

Ekonomi negara dianggar berkembang bawah 4 peratus

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dianggarkan berkembang 3.4 peratus pada suku keempat 2023, demikian mengikut anggaran awal dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Bagi keseluruhan 2023, anggaran awal DOSM itu menunjukkan ekonomi negara berkembang sederhana 3.8 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 8.7 peratus pada 2022.

Bank Negara Malaysia (BNM) mengunjurkan ekonomi Malaysia berkembang sekitar 4.0 peratus pada 2023 dan 4.0 peratus hingga 5.0 peratus pada 2024.

Pengiraan anggaran KDNK awalan suku keempat 2023 dibuat DOSM berdasarkan kepada gabungan sumber data tersedia.

Namun secara umumnya, terdapat perbezaan antara anggaran KDNK awalan dan KDNK sebenar disebabkan oleh ketersediaan data daripada pelbagai sumber semasa tempoh penyusunan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata sektor perkhidmatan menjadi peneraju prestasi ekonomi pada suku terakhir 2023 dengan semua sektor lain mencatat pertumbuhan positif.

Beliau berkata, sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 4.7 peratus pada suku keempat 2023 disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, pengangkutan dan penyimpanan serta perkhidmatan perniagaan.

“Sektor perlombongan dan pengkuarian berkembang 3.7 pe-

ratus pada suku keempat 2023 dan pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan dalam semua aktiviti terutamanya gas asli dan minyak mentah dan kondensat,”

katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Uzir berkata, sektor pembinaan menyederhana kepada 2.5 peratus pada suku keempat dipengaruhi oleh subsektor ke-

juruteraan awam dan bangunan kediaman.

Beliau berkata, sektor pertanian meningkat kepada 1.2 peratus pada suku keempat 2023, hasil daripada peningkatan dalam pengeluaran kelapa sawit.

Sementara itu, sektor pembuatan mencatatkan pertumbuhan marginal 0.1 peratus pada suku keempat disokong oleh pembuatan berdasarkan produk minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan prosesan makanan dan produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka.

Bagaimanapun, produk elektrik, elektronik dan optikal serta produk petroleum, kimia, getah dan plastik merosot pada suku berkenaan.

Sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 4.7 peratus pada suku keempat 2023 disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, pengangkutan dan penyimpanan serta perkhidmatan perniagaan

Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan Malaysia

